



## **1 | Pemulangan Caruman Kerajaan dan Penggunaan Dividen Atas Caruman Kerajaan**

- Lembaga Tabung Angkatan  
Tentera**



# **PEMULANGAN CARUMAN KERAJAAN DAN PENGGUNAAN DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN**

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Kementerian Pertahanan**

## **Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Pemulangan caruman Kerajaan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan untuk pengisytiharan dividen tahunan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Menentukan sama ada pemulangan caruman Kerajaan dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan diuruskan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
  - caruman Kerajaan berjumlah RM695.06 juta tidak dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan sebaliknya dibayar kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan); dan
  - pembayaran dividen tahun 2018 hingga 2020 yang menggunakan dividen atas caruman Kerajaan berjumlah RM600.59 juta adalah tidak teratur.

**Apa yang disyorkan Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - memastikan caruman Kerajaan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan perenggan 9(3)(c), Akta 101;
  - menambah baik Akta 101 dengan menyatakan secara jelas berkaitan hak terhadap dividen atas caruman Kerajaan di bawah subseksyen 9(2); dan

- memastikan dividen tahunan diisyihar mengikut kehendak yang diperuntukkan di dalam subseksyen 11(2), Akta 101.

# 1. PEMULANGAN CARUMAN KERAJAAN DAN PENGGUNAAN DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN

## Lembaga Tabung Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bertanggungjawab untuk mengumpul, mengurus dan melabur wang caruman anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*]. Seksyen 3, Akta 101 juga menetapkan hasil daripada pelaburan yang diterima akan digunakan untuk mewujudkan faedah persaraan dan faedah lain bagi anggota ATM.

1.2. Seksyen 9, Akta 101 mewajibkan anggota mencarum sebanyak 10% daripada gaji bulanan mereka dan pihak Kerajaan selaku majikan mencarum sebanyak 15% daripada gaji bulanan pencarum. Seksyen 11, Akta 101 membenarkan LTAT mengisytiharkan dividen kepada pencarumnya sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan. Kadar dan amaun dividen yang diisyiharkan oleh LTAT kepada pencarum bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1.1**.

**JADUAL 1.1**  
**KADAR DAN AMAUN DIVIDEN YANG DIISYTIHAR BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020**

TAHUN	KADAR DIVIDEN (%)	DIVIDEN (RM Juta)
2018	2.0	161.18
2019	2.5	178.38
2020	3.5	310.69

Sumber: Penyata Kewangan LTAT dan Rekod Kewangan

1.3. Seksyen 12, Akta 101 membenarkan pengeluaran caruman dilakukan sekiranya anggota telah tamat perkhidmatan, bersara atau meninggal dunia. Pengeluaran caruman ini meliputi caruman anggota, dividen atas caruman anggota, caruman Kerajaan, dividen atas caruman Kerajaan dan bonus (sekiranya diisyiharkan). Subseksyen 9(3), Akta 101 menetapkan anggota yang berkelayakan untuk berpencen akan terus membuat potongan caruman ahli sehingga tamat perkhidmatan dengan ATM. Bagaimanapun, caruman majikan akan terhenti apabila anggota berkelayakan untuk berpencen dan caruman majikan yang ada di dalam akaun pencarum dikeluarkan serta dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pemulangan caruman Kerajaan dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan diuruskan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kewangan, LTAT meliputi pematuhan terhadap pemulangan caruman Kerajaan dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan oleh LTAT.

3.2. Semakan Audit dibuat terhadap dokumen berkaitan caruman Kerajaan yang dipulangkan berjumlah RM695.06 juta dan dividen atas caruman Kerajaan sebanyak RM600.59 juta bagi tahun 2018 hingga 2020 melibatkan anggota yang berstatus pencen.

3.3. Pengauditan ini juga dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan, analisis terhadap data yang diperoleh serta temu bual dengan pegawai yang terlibat.

## **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Jun hingga September 2021. Maklum balas daripada LTAT diterima pada 10 dan 29 November 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 16 November 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

### **4.1. Caruman Kerajaan RM695.06 Juta Tidak Dipulangkan Kepada Kumpulan Wang Disatukan**

4.1.1. Perenggan 9(3)(c), Akta 101 menetapkan jika seseorang pencarum berkelayakan untuk pencen, segala pembayaran yang telah dibuat oleh majikan (Kerajaan) dan masih ada pada akaun pencarum hendaklah dikeluarkan dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **LTAT telah memulangkan caruman Kerajaan yang melibatkan 9,542 pencarum berstatus pencen bagi tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM695.06 juta kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)**. Caruman Kerajaan ini sepatutnya dipulangkan kepada

Kumpulan Wang Disatukan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 9(3)(c), Akta 101. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1.2**.

**JADUAL 1.2**  
**CARUMAN KERAJAAN TIDAK DIPULANGKAN**  
**KEPADА KUMPULAN WANG DISATUKAN**

TAHUN	BILANGAN PENCARUM	JUMLAH (RM Juta)
2018	3,471	236.21
2019	2,862	202.47
2020	3,209	256.38
<b>JUMLAH</b>	<b>9,542</b>	<b>695.06</b>

Sumber: Dokumen Kewangan LTAT dan Surat Kementerian Kewangan (MoF)

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan LTAT berpandangan bahawa caruman Kerajaan bagi anggota yang berkelayakan untuk pencen perlu dipulangkan kepada KWAP. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] tidak memperuntukkan obligasi kepada LTAT untuk memulangkan caruman Kerajaan kepada KWAP. **Perenggan 9(3)(c), Akta 101 menyatakan dengan jelas bahawa caruman perlu dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan, iaitu akaun Kerajaan Persekutuan.**

4.1.4. Kesannya, caruman Kerajaan yang tidak dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan menyebabkan hasil Kerajaan Persekutuan berkurangan RM695.06 juta bagi tahun 2018 hingga 2020.

**Maklum balas LTAT yang diterima pada 29 November 2021**

Pandangan panel peguam LTAT yang diterima pada 18 November 2021 menyatakan caruman Kerajaan yang dibayar kepada KWAP tidak selaras dengan perenggan 9(3)(c), Akta 101. LTAT bertanggungjawab untuk memulangkan caruman Kerajaan tersebut kepada Kumpulan Wang Disatukan.

**Pernyataan Audit** | **Pembayaran caruman Kerajaan kepada KWAP sejak penubuhannya pada tahun 2007 berjumlah RM2.999 bilion tidak mematuhi perenggan 9(3)(c), Akta 101.**

**4.2. Pembayaran Dividen Tahun 2018 hingga 2020 yang Menggunakan Dividen Atas Caruman Kerajaan RM600.59 Juta Tidak Teratur**

4.2.1. Subseksyen 11(1), Akta 101 menetapkan keperluan LTAT untuk mendapatkan khidmat aktuari yang diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi memberi syor berkaitan kadar dividen yang boleh diisyiharkan. Subseksyen 11(2), Akta 101 pula menetapkan

empat syarat yang perlu dipatuhi oleh LTAT sebelum sesuatu dividen boleh diisyiharkan seperti berikut:

- a. aset LTAT tidak kurang daripada liabiliti dan liabiliti pula hendaklah termasuk dividen yang diisyiharkan iaitu seolah-olah dividen yang diisyiharkan kena dibayar dengan serta-merta;
- b. memperuntukkan sejumlah wang bagi Kumpulan Wang Rizab LTAT;
- c. memperuntukkan sejumlah wang yang difikirkan cukup oleh aktuari bagi skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 15A, Akta 101, iaitu Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya; dan
- d. tiada dividen boleh diisyiharkan melainkan jika aktuari telah mengesyorkan kebolehan LTAT untuk membuat semua pembayaran yang telah ditetapkan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati **LTAT tidak memenuhi kesemua syarat dalam subseksyen 11(2), Akta 101 untuk mengisyiharkan dividen bagi tahun 2018 hingga 2020.**

4.2.3. Semakan lanjut mendapati Laporan Cadangan Pembayaran Dividen oleh syarikat aktuari 35090-H bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 menyatakan tahap solvensi LTAT kurang daripada 100% seperti yang ditetapkan oleh perenggan 11(2)(a), Akta 101. Tahap solvensi LTAT mengikut nilai pasaran pelaburan sejak tahun 2018 telah menunjukkan trend penurunan, iaitu 89.1% tahun 2018, 81.0% tahun 2019 dan semakin menurun kepada 75.7% tahun 2020.

4.2.4. Berdasarkan Laporan Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2018, 2019 dan 2020, syarikat aktuari berpendapat pembayaran dividen akan menjelaskan keupayaan LTAT membayar liabiliti sekiranya tiada sokongan kewangan Kerajaan. Oleh itu, LTAT telah memohon surat sokongan daripada Kerajaan bagi menyokong LTAT memenuhi obligasi kewangannya dan pengecualian pemulangan dividen atas caruman Kerajaan bagi anggota yang berkelayakan untuk pencen mulai tahun 2018. Permohonan ini bagi membolehkan LTAT mengisyiharkan dividen tahunan kepada pencarum.

4.2.5. Pihak Audit mendapati **LTAT telah mengisyiharkan dividen bagi tahun 2018 hingga 2020 dengan menggunakan dividen atas caruman Kerajaan sebanyak RM600.59 juta yang tidak dipulangkan kepada KWAP.** Tindakan ini berdasarkan kelulusan pengecualian oleh Kementerian Kewangan (MoF) terhadap pemulangan dividen atas caruman Kerajaan berjumlah RM600.59 juta bagi tahun 2018 hingga 2020. Pihak Audit mendapati kelulusan yang diberikan oleh MoF adalah berdasarkan permohonan LTAT untuk pengecualian bayaran dividen atas caruman Kerajaan kepada KWAP dan bukannya kepada Kumpulan Wang Disatukan. Dividen

atas caruman Kerajaan yang dikecualikan pemulangan dan digunakan untuk pengisytiharan dividen adalah seperti dalam **Jadual 1.3**.

**JADUAL 1.3**  
**KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**UNTUK MENGGUNAKAN DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN**

TAHUN	NOMBOR RUJUKAN	TARIKH	DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN (RM Juta)
2018	MOF.SID(S)700-1/6/15(SK2)(2)	26.09.2019	228.43
2019	MOF.SID(S)700-1/6/15(SK2)(36)	06.05.2020	183.48
2020	MOF.SBM(S)600-41/34/36(12)	28.04.2021	188.68
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>600.59</b>

Sumber: Surat MoF

4.2.6. Analisis Audit mendapati penggunaan dividen atas caruman Kerajaan berlaku kerana kedudukan kewangan LTAT yang merosot berikutan prestasi pelaburan yang kurang memuaskan terutamanya pelaburan dalam syarikat subsidiari. Pada tahun 2020, LTAT telah menggunakan dividen atas caruman Kerajaan sebanyak RM188.68 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM122.01 juta bagi pembayaran dividen tahun 2020 berjumlah RM310.69 juta. Penggunaan dividen atas caruman Kerajaan bagi pengisytiharan dividen secara terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1.4**.

**JADUAL 1.4**  
**PENGGUNAAN DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN**  
**UNTUK PENGISYTIHARAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020**

TAHUN	PENGGUNAAN DANA BAGI PENGISYTIHARAN DIVIDEN			
	DIVIDEN ATAS CARUMAN KERAJAAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN TERKUMPUL (RM Juta)	PEMBAYARAN DIVIDEN TAHUN SEMASA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
	(a)	(b)	(c)	(d) = (a) + (b) - (c)
2018	228.43	-	161.18	67.25
2019	183.48	-	178.38	5.10
2020	188.68	122.01	310.69	-
<b>JUMLAH</b>	<b>600.59</b>	<b>122.01</b>	<b>650.25</b>	<b>72.35</b>

Sumber: Dokumen Kewangan LTAT

4.2.7. Setakat 31 Disember 2020, LTAT telah melabur dalam pelaburan ekuiti sebanyak 68% berjumlah RM6.391 bilion daripada keseluruhan pelaburannya.

**Jumlah pelaburan ekuiti melebihi 38% daripada had yang ditetapkan** dalam perenggan 15(1)(b), Akta 101 iaitu 30% daripada keseluruhan pelaburan yang dibenarkan. Pelaburan ekuiti syarikat subsidiari oleh LTAT pada tahun 2020 berjumlah RM5.059 bilion daripada keseluruhan pelaburan ekuiti, iaitu RM6.391 bilion. Pelaburan ekuiti terbesar dalam syarikat subsidiari, iaitu Boustead Holdings Berhad (BHB) berjumlah RM2.551 bilion. Bagaimanapun, nilai pasaran pada 31 Disember 2020 bagi

BHB berjumlah RM753 juta. Pihak LTAT tidak membuat penjejasan nilai pelaburan sebanyak RM1.798 bilion terhadap BHB supaya LTAT mempunyai lebihan pendapatan untuk membayar dividen.

4.2.8. Pihak Audit turut mendapati pemulangan dividen atas caruman Kerajaan tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta 101. Perkara ini selaras dengan pandangan daripada Jabatan Peguam Negara bertarikh 12 Julai 2021 kepada Jabatan Audit Negara yang menyatakan tiada beban kewangan yang boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak kecuali dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang. Sekiranya dividen atas caruman Kerajaan perlu dipulangkan semula kepada Kerajaan maka ia perlu diperuntukkan dengan nyata dan jelas. **LTAT tidak boleh menggunakan dividen atas caruman Kerajaan sebanyak RM600.59 juta kerana ia merupakan sebahagian faedah persaraan yang terletak hak kepada askar-lasykar dan pegawai angkatan tetap Malaysia.**

4.2.9. Kesannya, LTAT telah menggunakan dividen atas caruman Kerajaan berjumlah RM600.59 juta untuk mengisyiharkan dividen bagi tahun 2018 hingga 2020 walaupun kehendak subseksyen 11(2), Akta 101 tidak dipenuhi.

### **Maklum balas LTAT yang diterima pada 10 November 2021**

Secara dasarnya, caruman Kerajaan dan dividen atas caruman Kerajaan tidak menjadi hak milik pencarum apabila pencarum mencapai status berpencen. Berdasarkan kepada seksyen 9(3)(c), Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, "segala pembayaran yang telah dibuat di bawah subseksyen (2) yang masih ada pada kredit akaun askar-lasykar itu hendaklah dikeluarkan dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan". Bagaimanapun, seksyen ini tidak menyatakan sama ada jumlah yang hendak dikeluarkan dan dikreditkan ke Kumpulan Wang Disatukan termasuk dividen atas caruman Kerajaan atau sebaliknya.

Tindakan LTAT untuk mengambil kira dividen atas caruman Kerajaan sebagai keuntungan terkumpul telah mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan selaku majikan pencarum yang membayar caruman Kerajaan sebanyak 15% kepada LTAT.

### **Maklum balas LTAT yang diterima pada 29 November 2021**

Caruman Kerajaan termasuk dividen atas caruman Kerajaan yang ada di dalam kredit akaun pencarum yang berstatus pencen adalah milik Kerajaan dan hendaklah dibayar kepada pihak Kerajaan selaku majikan. Ini adalah selaras dengan peraturan 16, 17 dan 18, Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 di bawah Akta Angkatan Tentera 1972.

Peraturan 16(1) menyatakan jika tempoh perkhidmatan telah diberi faedah persaraan dan tempoh itu hendaklah diambil kira sebagai perkhidmatan diakui, anggota itu hendaklah melucutkan hak atau memulangkan balik kepada Kerajaan Persekutuan faedah yang telah dibayar kepadanya sebelum faedah di bawah peraturan ini boleh diberi. Majlis Angkatan Tentera boleh menentukan selama mana bayaran balik itu boleh dibuat kepada Kerajaan Persekutuan.

Peraturan 17 menyatakan caruman yang dibayar oleh majikan caruman sepanjang tempoh perkhidmatan diakui seseorang anggota kepada kumpulan wang simpanan berserta bunga yang terakhir hendaklah dipulangkan balik kepada Kerajaan Persekutuan.

Peraturan 18 menyatakan jika tempoh perkhidmatan bukan dalam Angkatan Tetap diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan diakui bagi maksud peraturan-peraturan ini, anggota itu hendaklah disifatkan sebagai telah melucutkan haknya sebagai pencen, ganjarannya atau faedah-faedah lain yang mungkin telah berakhir kepadanya bagi tempoh perkhidmatan itu di bawah undang-undang pencen yang berkenaan dengannya.

Sekiranya dividen atas caruman Kerajaan dibayar kepada pencarum berpencen, ini bermaksud Kerajaan telah membayar dua kali faedah bagi tempoh perkhidmatan yang sama dan bercanggah dengan peraturan 16, 17 dan 18 berkenaan.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Ketidakpatuhan kepada subseksyen 11(2), Akta 101 menyebabkan LTAT mengisyiharkan dividen atas caruman Kerajaan untuk membayar dividen tahun 2018 hingga 2020. Pemulangan dividen atas caruman Kerajaan hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam Akta 101 selaras dengan pandangan Jabatan Peguam Negara. Pencen, ganjaran dan faedah-faedah yang dimaksudkan oleh LTAT adalah satu perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77]. Oleh itu, ia tidak boleh dibaca bersama-sama dengan Akta 101 kerana kedua-dua akta tersebut mempunyai tujuan yang berbeza.</b>
-------------------------	--

## **5. RUMUSAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, pembayaran caruman Kerajaan kepada KWAP berjumlah RM695.06 juta dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan berjumlah RM600.59 juta tidak mematuhi Akta 101. Ketidakupayaan LTAT telah menyebabkan dividen atas caruman Kerajaan digunakan untuk mengisyihar dividen tahunan.

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pemulangan caruman Kerajaan dan penggunaan dividen atas caruman Kerajaan selaras dengan undang-undang, LTAT disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan caruman Kerajaan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan perenggan 9(3)(c), Akta 101;
- 6.2. menambah baik Akta 101 dengan menyatakan secara jelas berkaitan hak terhadap dividen atas caruman Kerajaan di bawah subseksyen 9(2); dan
- 6.3. memastikan dividen tahunan diisyihar mengikut kehendak yang diperuntukkan di dalam subseksyen 11(2), Akta 101.